



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

AMAL DIPERHEBAT, TAKWA DIPERTINGKAT

Tarikh Dibaca:

**6 RAMADAN 1446H /
7 MAC 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة كماله اسلام ماليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AMAL DIPERHEBAT, TAKWA DIPERTINGKAT

7 MAC 2025 / 6 RAMADAN 1446H

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ

إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾ البقرة: ١٨٤

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah yang saya akan sampaikan pada hari ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: “Amal Diperhebat, Takwa Dipertingkatkan”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, hari ini sudah enam hari kita menjalani ibadah puasa dalam Bulan Ramadan yang mulia. Bagaimana iltizam dan kesungguhan kita melaksanakan amal ibadah dan ketaatan dalam usaha mencapai *maghfirah* dan keberkatan dari-Nya? Adakah kita masih istiqamah atau semakin hari semangat kita semakin luntur? Betapa ruginya jika kita membiarkan Ramadan berlalu tanpa kita mendapat keampunan dan tidak membentuk takwa dalam diri.

Syeikh Yusuf al-Qaradawi dalam *Fiqh as-Siyam* menjelaskan bahawa ibadah puasa melatih pengorbanan, iaitu apabila seseorang meninggalkan perkara yang halal (makan, minum, dan hubungan suami isteri) demi mentaati perintah Allah SWT. Jika seseorang mampu mengawal dirinya daripada perkara halal, maka lebih mudah baginya untuk menghindari perkara haram.

Imam al-Ghazali dalam kitabnya, *Ihya' Ulumuddin* pula menjelaskan bahawa ibadah puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga menahan diri dari segala perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Puasa membantu manusia mengawal hawa nafsu, yang sering menjadi punca seseorang melakukan maksiat. Orang yang berpuasa dengan sempurna akan lebih mudah menjaga hatinya dari sifat *mazmumah* seperti riak, sombong, dan marah, sehingga mencapai ketakwaan.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Terlalu banyak motivasi yang telah diberikan kepada umat Islam untuk bersungguh-sungguh melakukan ibadah dalam Bulan Ramadan. Antaranya, Ramadan merupakan peluang pengampunan dosa.

Allah dan Rasul-Nya memberikan *targhib* (semangat) untuk melakukan puasa Ramadan dengan menjelaskan keutamaan serta tingginya kedudukan puasa, dan kalau seandainya orang yang berpuasa mempunyai dosa seperti buih di lautan nescaya akan diampuni dengan sebab ibadah yang baik dan diberkati ini.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahu 'anhu* dari Nabi SAW, (bahawasanya) Baginda bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpuasa dalam Bulan Ramadan dengan penuh iman dan pengharapan, maka akan diampuni segala dosanya yang telah lalu”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari, Muslim)

Diriwayatkan juga dari Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu*, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ، مُكْفِرَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتُنِبَتِ الْكَبَائِرُ

Maksudnya: “Solat lima waktu, Jumaat ke Jumaat. Ramadan ke Ramadan ialah penghapus dosa yang terjadi di antara senggang waktu tersebut jika seseorang menjauhi dari melakukan dosa besar”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

Dari Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu* juga, (bahawasanya) Rasulullah SAW pernah naik mimbar kemudian berkata: “Amin, Amin, Amin”. Ditanyakan kepadanya: “Wahai Rasulullah! Engkau naik mimbar kemudian mengucapkan Amin, Amin, Amin?”. Baginda bersabda:

إِنَّ جِبْرِيْلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَتَانِي ، فَقَالَ : مَنْ أَدْرَكَ شَهْرَ رَمَضَانَ ، فَلَمْ يُغْفَرْ لَهُ ، فَمَاتَ ، فَدَخَلَ النَّارَ ، فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ ، قُلْ : آمِينَ . فَقُلْتُ : آمِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Jibrail alaihissalam datang kepadaku, dia berkata: “Barangsiapa yang sempat dengan Bulan Ramadan tapi tidak diampuni dosanya maka akan masuk neraka dan akan Allah jauhkan dia, katakan “Amin”, maka aku pun mengucapkan Amin”. (Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah, Ahmad, dan al-Baihaqi)

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Seterusnya, Allah SWT memberikan motivasi kepada kita tentang Ramadan sebagai waktu diperkenankannya doa permintaan dan pembebasan dari api neraka.

Dalam hal ini, Rasullullah SAW bersabda:

إِنَّ لِلَّهِ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ عُمَّتَاءَ مِنَ النَّارِ، فِي شَهْرِ رَمَضَانَ، وَإِنَّ لِكُلِّ مُسْلِمٍ دَعْوَةً
يَدْعُو بِهَا، فَيُجَابُ لَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah memiliki hamba-hamba yang dibebaskan dari neraka setiap siang dan malam dalam Bulan Ramadan, dan semua orang muslim yang berdoa akan diperkenankan doanya”. **(Hadis riwayat Ahmad)**

Seterusnya, Allah SWT juga menggolongkan orang yang berpuasa sebagai termasuk dalam kalangan *as-Siddiqin* dan *as-Syuhada'*. Diriwayatkan dari 'Amr bin Murrah al-Juhani *radhiallahu 'anhu*, beliau berkata: Ada seorang lelaki datang kepada Nabi SAW kemudian dia berkata: “Wahai Rasulullah! Apa pendapat kamu jika aku bersaksi bahawa tidak ada yang layak disembah melainkan Allah, kamu adalah Rasulullah, aku solat lima waktu, aku tunaikan zakat, aku lakukan puasa Ramadan dan solat tarawih pada waktu malamnya, aku termasuk orang yang mana?”. Maka Baginda menjawab:

مِنَ الصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

“Termasuk dari kalangan *as-siddiqin* dan *as-syuhada'*”. **(Hadis riwayat Ibnu Hibban)**

Menurut Imam al-Munawi dalam *Faidh al-Qadir*, *as-Siddiqin* ialah mereka yang mencapai puncak kejujuran dalam iman dan amal. Manakala *as-Syuhada'* pula ialah mereka yang mendapat darjat yang tinggi kerana kesungguhan dalam beribadah dan mempertahankan agama. Ibnu Hibban pula menjelaskan bahawa hadis ini menegaskan kepentingan solat malam pada Bulan Ramadan (solat tarawih). Selain itu, Orang yang menjaga rukun Islam dengan penuh keikhlasan dan istiqamah boleh mencapai darjat para *as-Siddiqin* dan *as-Syuhada'*, walaupun mereka tidak mati syahid dalam peperangan.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru, atas alasan apa lagi yang hendak kita gunakan untuk mempersiapkan peluang berada dalam Ramadan kali ini? Rebutlah peluang pada setiap detik dalam Bulan Ramadan ini untuk mencari keampunan Allah SWT dan keberkatan-Nya. Berusahalah

menjadi Muslim terbaik dengan patuh taat kepada perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Tingkatkan mujahadah dalam melawan keinginan hawa nafsu dalam kesempatan ini kerana kita tidak tahu bila lagi kita akan ada peluang keemasan sebegini.

Maka, mengakhiri khutbah hari ini, saya tinggalkan beberapa pesanan:

Pertama: Puasa yang disyariatkan kepada kita bermatlamat menjadikan kita hamba yang bertakwa. Maka, berusaha melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna.

Kedua: Allah SWT dan Rasul-Nya memberikan banyak motivasi dan semangat kepada kita untuk melaksanakan segala perintah-Nya dengan bersungguh-sungguh.

Ketiga: Berusahalah bersungguh-sungguh dalam menunaikan ibadah, khususnya dalam Bulan Ramadan ini, agar kita termasuk dalam golongan yang dijanjikan kedudukan istimewa di sisi Allah SWT.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabuut ayat 69:

﴿وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَالِيَسُورِي ائْخُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.